

SULIT**Pemurnian skema - Penataran Penandaan BM2 SPMC JPNPP 2025****1103/2**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2025
BAHASA MELAYU
KERTAS 2
OGOS 2025**



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
(CAWAGAN NEGERI PULAU PINANG)
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2025**

**BAHASA MELAYU
KERTAS 2**

PERATURAN PEMARKAHAN

Kertas ini mengandungi 13 halaman bercetak.
1103/2@2025 Hak Cipta Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

**{Lihat halaman sebelah
SULIT**

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada

Soalan 1 : **8** markah

Soalan 2: **6** markah

Soalan 3 : **11** markah

Soalan 4 : **4** markah

Soalan 5 : **6** markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan **1 markah** bagi setiap kata bilangan yang betul.
2. Berikan **1 markah** bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata bilangan tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin/ meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Petikan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.

Soalan 1 – Morfologi

Kata bilangan

- | | |
|---|--|
| <ol style="list-style-type: none"> i. berpuluh-puluh <ul style="list-style-type: none"> - beberapa puluh / banyak puluh ii. pertama <ul style="list-style-type: none"> - julung, yang mula sekali, julung kali, awal-awalnya, asal-asalnya iii. beberapa <ul style="list-style-type: none"> - jumlah yang tidak tentu banyaknya (lebih daripada dua tetapi tidak terlalu banyak) iv. dua <ul style="list-style-type: none"> - sikap (jumlah) satu dicampur satu; bilangan di antara satu dengan tiga v. berjam-jam <ul style="list-style-type: none"> - jangka masa yang lama | <ol style="list-style-type: none"> vi. ke-19 vii. berpuluh-puluh viii. berpuluh-puluh juta x. juta |
|---|--|

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 2- Sintaksis (Jenis-jenis ayat)

BIL	AYAT	JAWAPAN	MARKAH
1	Eh, lama saya tidak melihat kamu bermain badminton di sini!	Ayat seruan	1
2	Kaki saya tercedera semasa saya menyertai ekspedisi menjelajah Gua Niah pada bulan lepas.	Ayat penyata	1
3	Di manakah terletakanya Gua Niah?	Ayat tanya	1
4	Gua Niah terletak di bahagian Miri.	Ayat penyata	1
5	Bukankah kaki awak tercedera?	Ayat tanya	1
6	Janganlah awak terlalu aktif bergerak kerana proses pemulihan akan mengambil masa.	Ayat perintah	1

[Maksimum : 6 markah]**Soalan 3 - Penyuntingan****Bahan 1**

- | | | | |
|--------------------|---|-----------------|---|
| 1. gemerlap | - | kerdipan | 9. lasagna - lasagne |
| 2. pelancung | - | pelancong | 10. beraneka jenis lauk-pauk - beraneka jenis lauk/ lauk-pauk |
| 3. menyediakan | - | menyajikan | |
| 4. hubungkan | - | hubungi | |
| 5. e-mail | - | e-mel | |
| 6. D'zarm Restoran | - | Restoran D'zarm | |
| 7. mee | - | mi | |
| 8. murtabak | - | martabak | |

[Maksimum : 6 markah]**Bahan 2**

- | | | |
|----------------|---|-------------|
| 1. aluan-aluan | - | alu-aluan |
| 2. perasmi | - | perasmian |
| 3. gimmik | - | gimik |
| 4. penyampai | - | penyampaian |
| 5. reruat | - | reruai |

[Maksimum : 5 markah]

**Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard
bagi Soalan 4**

Deskripsi	Markah
	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	3
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	1
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat tidak gramatis	1
Ayat disalin bulat-bulat.	0
Isi tidak mengikut urutan	0

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Seterusnya, semua perihal ehwal dipersembahkan oleh Bendahara kepada Ke Bawah Duli Sultan. Baginda sangat suka lalu memberi persalinan kepada Bendahara Paduka Raja iaitu pakaian yang elok-elok dan semua hulubalang yang turut serta dianugerahi oleh baginda persalinan yang sepadan.

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

Peribahasa yang sesuai

- (i) - kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya
- di mana ada kemahuan, di situ ada jalan
- yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang
- usaha tangga kejayaan -genggam bara api biar sampai menjadi arang
- (ii) - melepaskan batuk/batok di tangga
- hangat-hangat tahi ayam
- (iii) - lepas tangan -kepala batu
- hati batu -keras kepala
- ambil mudah -ambil ringan
- -masuk telinga kanan keluar telinga kiri
- bagai mencurahkan air ke daun keladi

[Maksimum : 6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada

Soalan 6 : **13** markah

Soalan 7 : **12** markah

Soalan 8 : **10** markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh sahaja (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan pemarkahan soalan pemahaman**1. Soalan 2 markah :Pemahaman berdasarkan teks**

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup / ayat tidak gramatis	1
Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah :Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas/ ayat gramatis	3
Isi cukup/ menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (tidak menyentuh semua bahan)	1
Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah :Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	3
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	2
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat kurang gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	1
Jawapan salah	0



4. Soalan 4 markah :Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	3
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	1
Jawapan salah	0

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 Markah]

Soalan 6

i. Maksud mengamalkan etika **mempraktiskan**

- P1 melaksanakan / mempraktikkan / melakukan nilai / moral / akhlak / adab 2
P2 melaksanakan / mempraktikkan / melakukan etika 1
P3 mengamalkan nilai / moral / akhlak / adab 1

[Maksimum : 2 markah]

ii. Cara memupuk integriti merujuk semua bahan

Bahan 1

- P1 Memasukkan topik integriti ke dalam mana-mana pembelajaran di sekolah seperti mata pelajaran pendidikan sivik.
P2 Ibu bapa juga harus memberi tunjuk ajar tentang perkara yang betul dan salah.

Bahan 2

- P3 Nilai-nilai murni seperti kejujuran dan kasih sayang perlu diterapkan sejak kecil oleh ibu bapa.
P4 Pendidikan melalui subjek seperti Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, dan Sejarah sangat penting.
P5 Guru-guru dan kakitangan sekolah harus menjadi suri teladan dalam mengamalkan nilai-nilai ini.

Bahan 3

- P6 Memastikan murid mematuhi peraturan disiplin.

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan ketiga-tiga bahan.

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

iii. Faktor-faktor seorang peniaga tidak berintegriti dalam perniagaannya

- P1 Kurang didikan agama / pendidikan moral.
P2 Sikap tamak dan mahu keuntungan yang banyak.
P3 Penguatkuasaan undang-undang yang lemah / Kurangnya pemantauan pihak berkuasa.
P4 Hukuman yang tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.
(terima faktor-faktor lain yang bersesuaian)

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

iv. Tindakan yang akan saya lakukan ialah

- P1 Memberikan nasihat kepada rakan saya itu supaya tidak melakukan perbuatan yang melanggar peraturan.
 - P2 Memaklumkan/ melaporkan kepada guru disiplin / guru pengawas agar mengambil tindakan yang sewajarnya kepada rakan saya.
 - P3 Mengajak rakan saya berjumpa dengan guru kaunseling/ kaunselor untuk mendapatkan bimbingan/ nasihat.
 - P4 Menghadihkan buku tentang tanggungjawab dan integriti kepada rakan saya.
 - P5 Memaklumkan kepada keluarga/ ibu bapa/ waris tentang salah laku yang telah dilakukan oleh rakan saya.
 - P6 Mengajak rakan melakukan aktiviti yang berfaedah.
- (terima tindakan-tindakan lain yang bersesuaian)**

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 7

(i) Keadaan bandar raya Istanbul setelah salju turun

- P1 Seluruh bandar raya diselaputi salju
- P2 Semakin malam semakin turun menebal
- P3 Pokok-pokok telah mula memutih
- P4 Salju ada di mana-mana
- P5 Di atas jalan raya juga dipenuhi salju memutih

[Maksimum :2 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(ii) Keunikan tempat tumpuan pelancong

Bahan 1

- P1 Hagia Sophia destinasi paling popular yang asalnya sebuah gereja dibina pada kurun keenam.
- P2 Gereja itu ditukar kepada masjid pada tahun 1453 ketika Empayar Uthmaniah menawan Istanbul.
- P3 Tatkala kerajaan Uthmaniah tumbang, Turki menjadikan Hagia Sophia sebagai muzium pada tahun 1935.
- P4 Masjid ini dikenali dengan Masjid Biru kerana jubin biru menghiasi dinding dan reka bentuk dalamannya berwarna biru.

Bahan 2

- P3 Udara yang bersih dan segar
(Udara bersih segar sentiasa)
- P4 Suasana ladang teh yang menghijau dan luas terbentang
(Ladang teh menghijau seluas mata)
- P5 Buah strawberi yang ranum dan segar
(Strawberi ranum segar tersedia)
- P6 Kebun strawberi yang kelihatan kemerahan sangat memikat hati terutama untuk memetik sendiri buah tersebut.
(Kebun strawberi merah menggoda)
(Dipetik sendiri rasa bahagia)

**NOTA : Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan.
Tidak menyalin bulat-bulat daripada teks puisi**

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup :2 isi]

(iii) Manfaat-manfaat berkunjung ke tempat-tempat bersejarah

- P1 dapat memupuk semangat patriotik
- P2 menambahkan ilmu pengetahuan / mengenali lebih ramai tokoh
- P3 meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan bangunan bersejarah
- P4 pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan
- P5 menghayati nilai seni dan estetika bangunan warisan budaya
- P6 menghargai warisan negara yang ditinggalkan
- P7 meningkatkan ekonomi negara

(terima manfaat-manfaat lain yang bersesuaian)

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iv) Tindakan yang boleh dilakukan oleh pelbagai pihak

- P1 Pihak kerajaan memberikan baucar/diskaun pelancongan kepada rakyat tempatan
- P2 Pihak kerajaan/ agensi pelancongan membuka banyak pusat pelancongan
- P3 Agensi pelancongan menyediakan promosi pakej percutian mampu milik
- P4 Agensi pelancongan mempromosikan destinasi pelancongan menerusi media sosial
- P5 Media massa menghasilkan video menarik/dokumentari destinasi pelancongan tempatan
- P6 Masyarakat setempat menjaga kebersihan destinasi pelancongan
- P7 Pihak sekolah mengadakan lawatan sambil belajar ke tempat pelancongan
- P8 Ibu bapa membawa anak-anak melancong ke dalam negara

(terima tindakan-tindakan lain yang bersesuaian)

P9 kerajaan meningkatkan infrastruktur/ kemudahan di kawasan pelancongan

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 8

(i) Falsafah Dr. Zahari tentang buku

- P1 Buku jambatan ilmu
- P2 Buku juga kekasih setia yang tidak cemburu apabila dimadu
- P3 Manusia juga seperti buku jika anda dapat membacanya
- P4 Banyak ilmu banyak kawan, banyak harta banyak lawan begitulah keadaan manusia di muka bumi ini

[Markah maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi Soalan 8 (ii)

(ii) Soalan novel : 6 markah

- (a) Jawapan berdasarkan **dua buah novel** yang dipelajari.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri **1 markah** bagi setiap **isi** yang betul.
- (d) Beri **1 markah** bagi peristiwa / huraian /contoh yang lengkap / jelas bagi setiap isi.
- (e) Markah isi maksimum **4 markah** (2 markah bagi setiap isi dan peristiwa / huraian / contoh).
- (f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh :

Baik : **2 markah**

Lemah : **1 markah**

(g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri **1 markah** untuk bahasa.

(h) Calon tidak menjawab **0 markah**.

[Maksimum : 6 markah]

Jendela Menghadap Jalan

1. **Peristiwa:** Lili berani pergi ke rumah Che Jah melawat Haziq dan Rafik walaupun dia pernah diculik oleh mereka berdua

Kesan - Pembaca dapat mencontohi keberanian Lili kerana keberaniannya menyebabkan penduduk kampung mula sedar akan kezaliman yang berlaku seterusnya mencari jalan penyelesaian yang terbaik

2. **Peristiwa:** Lili, Danel, dan Geetha berani menyatakan pendapat berkenaan isu kubah surau yang dihadapi oleh penduduk di Kampung Sentosa.

Kesan - Menyedarkan pembaca tentang pentingnya keberanian generasi muda bersuara menyatakan pendapat menyelesaikan sesuatu isu.

3. **Peristiwa:** Danel berani menyelamatkan Lili yang diculik oleh Rafiq dan Haziq. Lili dijadikan tebusan apabila Haziq dan Rafik melarikan diri daripada penduduk kampung

Kesan - Pembaca dapat mencontohi keberanian Danel yang berseorangan menyelamatkan Lili seterusnya membawa kepada keyakinan diri dan kebolehan untuk berhadapan dengan cabaran hidup.

Songket Berbenang Emas

1. **Peristiwa:** Dahlia berani mengambil keputusan untuk keluar dari asrama untuk menjaga adik-adiknya setelah ibunya dimasukkan ke hospital sakit jiwa.

Kesan - Pembaca dapat mencontohi keberanian Dahlia kerana sebagai anak sulung bertanggungjawab menjaga adik-adiknya yang masih bersekolah.

2. **Peristiwa:** Dahlia berani terjun ke dalam sungai yang deras untuk menyelamatkan Said yang lemas

Kesan : Menyedarkan pembaca supaya memberikan pertolongan kepada sesiapa yang memerlukan bantuan.

3. **Peristiwa:** Azhari berani meluahkan perasaan untuk memiliki Dahlia dengan cara mengikat tali pertunangan.

Kesan - Pembaca dapat mencontohi sikap Azhari yang berani meluahkan perasaan tersirat di dalam hati.

4. **Peristiwa** : Embong berani bergelut dengan ular sawa yang cuba membelitnya ketika berada di ladang kelapa sawit.

Kesan - Mengingatkan pembaca supaya sentiasa berhati-hati terutamanya ketika berada di dalam kebun atau hutan.

BAHAGIAN C : RUMUSAN
[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh 30 dibahagikan kepada :

- (a) Isi maksimum -20 markah
(b) Bahasa maksimum - 10 markah

(a) Isi [20 markah]

Nota :

- i. Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan :

- Nama khas
 - Perkataan berganda
 - Penggunaan kata sendi di dan ke
 - Tarikh
 - Angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - Gelaran
 - Penanda wacana
 - Peribahasa
- ii. Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja
 - iii. Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja, yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
 - iv. Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
 - v. Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
 - vi. Jumlah isi maksimum yang diterima daripada semua fokus dan semua bahan ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima						Markah Isi Maksimum
i. Pendahuluan	Fokus 1 + Fokus 2							2
ii. Isi Bahan 1								16
Fokus 1 (A) peranan/tugas/tanggungjawab	3	3	2	2	2	1	1	
Fokus 2 (B) faedah/manfaat/kelebihan/ kebaikan/kepentingan	2	1	1	1	1	1	2	
Fokus 3(E) ciri-ciri/sifat-sifat/kriteria- kriteria	3	1	1	1	1	1	1	
iii. Isi Bahan 2								
Fokus 1 (C) faedah/manfaat/kelebihan/ kebaikan/kepentingan	1	1	1	1	1	1	1	
Fokus 2 (F) ciri-ciri/sifat-sifat/kriteria- kriteria	2	1	2	2	1	2	1	
iv. Isi Bahan 3								
Fokus 2 (D) faedah/manfaat/kelebihan/ kebaikan/kepentingan	2	1	1	1	2	2	2	
Jumlah Isi	15	8	8	8	8	8	8	
v. Penutup	Tema + Cadangan + Kesan							2
JUMLAH MARKAH								20

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 - 10 markah	• Kesenambungan ayat sangat baik. • Bahasa sangat gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Pengolahan sangat menarik dan berkesan.
Baik	5 - 7 markah	• Kesenambungan ayat baik. • Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. • Penggunaan kosa kata masih luas dan tepat. • Pengolahan masih menarik dan berkesan.
Sederhana	3 - 4 markah	• Kesenambungan ayat kurang baik. • Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. • Penggunaan kosa kata kurang luas dan tepat. • Pengolahan kurang menarik dan berkesan.
Lemah	1 - 2 markah	• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.

Nota :

1. Jika menjawab dalam bentuk poin / fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
2. Jika markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa.
3. Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa sangat baik, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
4. Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, berikan 0 markah bahasa.
5. Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[maksimum : 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]

- | | | |
|----|--|---|
| P1 | ...membincangkan peranan/tugas/tanggungjawab kaunselor dan faedah/
manfaat/kelebihan/kebaikan/kepentingan berjumpa kaunselor serta ciri-
ciri/sifat-sifat/kriteria-kriteria seorang kaunselor. | 2 |
| P2 | ...membincangkan peranan/tugas/tanggungjawab kaunselor dan faedah/
manfaat/kelebihan/kebaikan/kepentingan berjumpa kaunselor | 1 |
| P3 | ...membincangkan faedah/manfaat/kelebihan/kebaikan/kepentingan berjumpa
kaunselor dan ciri-ciri/sifat-sifat/kriteria-kriteria seorang kaunselor. | 1 |
| P4 | ...membincangkan peranan/tugas/tanggungjawab kaunselor dan berjumpa
kaunselor dan ciri-ciri/sifat-sifat/kriteria-kriteria seorang kaunselor. | 1 |

Isi [16 markah]**Fokus 1 : peranan / tugas / tanggungjawab kaunselor****Bahan 1**

- | | | |
|----|---|---|
| A1 | membimbing generasi muda membentuk keperibadian yang baik dan mulia | 2 |
| A2 | menyediakan khidmat nasihat kepada murid. | 2 |
| A3 | membantu murid meningkatkan nilai dalam diri masing-masing | 2 |

Fokus 2 : faedah/ manfaat/kelebihan/kebaikan/kepentingan berjumpa kaunselor**Bahan 1**

- | | | |
|----|--|--------|
| B1 | mendapat bimbingan bidang kerjaya yang diminati | 2 |
| B2 | memberikan fokus terhadap bidang pengajian yang sesuai dengan minat dalam
pemilihan kerjaya | 2
2 |

Bahan 2

- | | | |
|----|---|---|
| C1 | Meningkatkan keyakinan diri
(Keyakinan diri dapat ditingkat) | 2 |
|----|---|---|

Bahan 3

- | | | |
|----|--------------------------------------|---|
| D1 | menangani masalah pembelajaran | 2 |
| D2 | mengenal emosi dan cara mengatasinya | 2 |

Fokus 3 : ciri-ciri/sifat-sifat/ kriteria-kriteria seorang kaunselor**Bahan 1**

- | | | |
|----|--|---|
| E1 | seorang yang mampu membantu kliennya bagi mengenali diri untuk menjadi
yang lebih baik | 2 |
| E2 | seorang kaunselor perlu melayan klien dalam mencari penyelesaian sesuatu isu
sehingga berjaya | 2 |
| E3 | seorang yang telus dalam menjaga kerahsiaan kliennya | 2 |

Bahan 2

- | | | |
|----|---|---|
| F1 | Seorang yang perlu memenuhi etika dalam kerjaya kaunseling
(Penuhi etika kerjaya kaunseling) | 2 |
| F2 | Seorang yang mempunyai kepakaran ilmu
(Ciri kaunselor kepakaran ilmu) | 2 |

Kesimpulan [2 markah]

- K1 Kesimpulannya, kaunselor perlu bertanggungjawab memberi khidmat 2
kaunseling agar kesejahteraan masyarakat terjamin.
- K2 Kesimpulannya, kaunselor perlu bertanggungjawab memberi khidmat 1
kaunseling.

(Kesimpulan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

PERATURAN PERMARKAHAN TAMAT